

## RM150 juta dikutip melalui Pelan Rekalibrasi Pati

**Putrajaya:** Hampir RM150 juta berjaya dipungut Kerajaan Persekutuan melalui dua program Pelan Rekalibrasi Pendatang Asing Tanpa Izin (Pati) yang bermula pada November 2020 sehingga 30 Ogos lalu.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainuddin, berkata, program di bawah Jabatan Imigresen itu akan diteruskan sehingga 31 Disember kelak.

Beliau berkata, setakat Isnin lalu, seramai 301,013 Pati didaftarkan melalui Pelan Rekalibrasi Pati membabitkan 122,270 yang mendaftar diri untuk pulang manakala 178,743 serta 8,544 majikan mendaftar untuk program rekalibrasi tenaga kerja.

Katanya, daripada jumlah yang memilih untuk pulang, seramai 101,851 sudah kembali ke negara asal dengan kutipan hasil sebanyak RM59,171,400.

“Apabila kita lakukan ini, kita mohon mereka membayar wang cagaran dan kita mengutip sebanyak RM87,591,000. Jadi, ini bermakna kita sudahpun memperolehi cagaran keseluruhannya dalam program ini mencapai kira-kira RM150 juta,” katanya, semalam.